

**PROGRAM BICARA ILMU BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (EKONOMI) : TRANSFORMASI ORGANISASI**

**KHAMIS, 10 MAC 2022, 12.00 TENGAHARI**

---

**YBHG DATUK SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN  
KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**YBhg. Tan Sri Azman Mokhtar**

**Pengerusi Lembaga Tabung Haji**

YBhg. Datuk-Datuk Timbalan Ketua Pengarah,

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, tuantuan  
dan puan-puan, warga EPU yang saya hormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita bertemu dalam majlis ilmu pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada YBhg. **Tan Sri Azman Mokhtar**, seorang tokoh hebat yang disegani dalam bidangnya. Terima kasih YBhg. Tan Sri kerana sudi menerima undangan kami pada hari ini.

Untuk makluman semua, Program Bicara Ilmu Bersama YB Menteri ini adalah hasil dari cetusan idea YB Dato' Sri Mustapa Mohamed sendiri yang mahukan supaya warga EPU didedahkan dengan ilmu dan pengalaman sebenar tokoh-tokoh dari pelbagai bidang. Perkongsian ilmu dan pengalaman ini diharapkan dapat menambah pengetahuan warga EPU serta membantu kami dalam memantapkan peranan EPU sebagai agensi peneraju perancangan sosioekonomi negara.

**YBhg. Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
sekalian,**

Malaysia bakal beralih ke fasa endemik COVID-19. Apabila ini berlaku, sektor ekonomi negara akan kembali rancak. Bank Dunia dalam laporan Malaysia Economic Monitor December 2021: *Staying Afloat* bertarikh 10 Januari 2022 menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.8 peratus. Unjuran ini sejajar dengan jangkaan pertumbuhan 5.5 peratus hingga 6.5 peratus semasa pembentangan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021.

EPU, JPM perlu memainkan peranan dalam memastikan sasaran ini tercapai. Selaku urusetia JK Tertinggi Pemantauan RMKe-12, EPU, JPM perlu memastikan Kementerian/Agensi melaksanakan strategi dan inisiatif, terutamanya dalam **Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan** dan **Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana**. InsyaAllah, sekiranya

semua inisiatif berjaya dilaksana, ekonomi Malaysia mampu kembali berkembang dan memberi kesejahteraan kepada semua rakyat.

**YBhg. Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
sekalian,**

Tan Sri KSN telah memperkenalkan prinsip baharu, iaitu S.W.I.F.T yang merujuk kepada *speed, world class knowledge, inspirational, flexible* dan *technology-based*.

YBhg. Dato' Sri KPPA pula dalam amanatnya sulungnya kepada penjawat awam telah menekankan betapa pentingnya untuk kita melihat kembali peranan dan fungsi organisasi masing-masing, terutama dengan kewujudan pelbagai ketidaktentuan yang memaksa kita membuat perubahan yang nyata dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kedua-dua amanat ini telah menekankan pentingnya kepentingan organisasi untuk bersifat dinamik dan mengadaptasi dengan keperluan semasa.

EPU ditubuhkan pada tahun 1956 sebagai agensi pusat utama bagi merancang dan merangka pelan pembangunan negara dan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan mengenai hal ehwal ekonomi. Peranan ini perlu diperkukuhkan.

Dan bagi memastikan EPU, JPM terus menjadi institusi yang relevan dan menyumbang kepada peningkatan dan pembangunan ekonomi negara, kita memerlukan struktur organisasi yang mantap serta tenaga kerja yang terbaik berdasarkan prinsip S.W.I.F.T.

Sudah sampai masanya EPU, JPM dijenamakan semula sebagai *Leading Agency* yang mencorak pembangunan negara dengan lebih dinamik. Oleh itu, saya menyeru semua pengurusan tertinggi EPU, JPM untuk mengkaji semula garis panduan dan peraturan semasa agar relevan dengan situasi semasa. Kita perlu menjadi *facilitator* kepada semua Kementerian dan Agensi dalam memastikan perancangan yang dihasratkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

In syaa allah, dengan kepimpinan dinamik YB Menteri serta komitmen yang tidak berbelah bahagi warga EPU, JPM, hasrat ini dapat kita laksanakan

## **PENUTUP**

Saya percaya banyak perkara yang kita boleh belajar dari ilmu dan pengalaman Tan Sri. Saya juga berharap sesi perkongsian ilmu pada hari ini bukan sahaja berjaya membuka minda kita tetapi juga membuka hati kita untuk terus meningkatkan usaha bagi menjadikan EPU agensi yang terbaik dan disegani.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri di atas kesudian melapangkan masa bersama kita di sini dan juga kepada penganjur dan urusetia yang telah bertungkus lumus menjayakan program Bicara Ilmu bersama YB Dato' Sri Menteri pada kali ini. Semoga usaha kita mendapat keberkatan Allah SWT jua.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.